

Bertanggungjawab, kerja kuat: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen yang dilantik hari ini supaya lebih bertanggungjawab dan menumpukan perhatian kepada tugas masing-masing.

Beliau juga mengingatkan mereka supaya tidak menyeleweng dan berpegang teguh kepada sumpah yang dilafazkan di hadapan Yang di-Pertuan Agong untuk menyimpan rahsia kerajaan.

"Mereka hendaklah memahami pentingnya kita mencapai kata sepakat dalam Kabinet dan mempunyai pendirian yang sama dalam semua perkara membabitkan kerajaan," katanya dalam sidang akhbar selepas mengumumkan senarai menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen yang baru di Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini hari ini.

Menurutnya, pada masa lalu, ada menteri yang membocorkan rahsia kerajaan semata-mata untuk kepentingan sendiri dan mencari pengaruh.

"Jemaah menteri mesti berpegang kepada keputusan Kabinet tanpa mempunyai sebarang pandangan yang berbeza. Sekali keputusan dibuat, semua menteri mesti bertanggungjawab dengan keputusan itu," katanya. Anggota Kabinet yang baru akan mengadakan mesyuarat pertama Rabu depan.

Perdana Menteri berkata, mereka yang dilantik hari ini hendaklah mengisytiharkan harta masing-masing seperti dilaksanakan pada masa lalu. Bagaimanapun, beliau tidak menetapkan tempoh perisytiharan itu.

Kepentingan BN, negeri diambil kira

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perlantikan menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen yang baru dibuat berdasarkan kepentingan parti komponen Barisan Nasional (BN) dan negeri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau berbincang dengan ketua komponen parti BN terlebih dulu sebelum memutuskan sebarang perlantikan.

Katanya, Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah memperkenankan susunan jemaah menteri yang baru itu selepas beliau menghadap Seri Paduka di Istana Negara petang ini.

● LIHAT MUKA 3

Sambil menyifatkan susunan jemaah menteri kali ini sebagai yang terbaik, beliau berkata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji sedang menyusun jadual kerja dan kakitangan Kementerian baru dan yang ditukar nama.

Kementerian baru ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna manakala Kementerian Kebajikan Masyarakat ditukar nama kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi serta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Perdana Menteri berkata, penubuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna perlu ditubuhkan kerana Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang sudah cukup besar dan terlalu banyak tanggungjawab.

"Dalam pada itu, kita berpendapat soal pengguna juga perlu diberi perhatian manakala Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pula diharapkan dapat memberi perkhidmatan yang lebih luas dan bukan untuk memberi bantuan saja," katanya.

Mengenai dua lagi jawatan timbalan menteri yang diperuntukkan kepada MIC, beliau berkata, perkara itu masih dirundingkan dan akan diisi secepat mungkin.

Menjawab soalan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pengguguran pemimpin yang lama tidak ada kaitan dengan pencapaian mereka, "sebaliknya kita perlu membawa masuk beberapa muka baru."

Beliau menafikan keputusan bagi pertandingan Majlis Tertinggi Umno bulan depan akan menyebabkan rombakan Kabinet sekali lagi kerana pemilihan bagi jawatan dalam parti tidak sama dengan perlantikan dalam kerajaan.

Mengenai pengekalan menteri besar dan ketua menteri kecuali Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Mohamad Yaakob, Perdana Menteri berkata, pemilihan mereka adalah berdasarkan kehendak majoriti rakyat dan tidak ada kaitan dengan persetujuan raja-raja.